

TALKING POINT

BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN

PADA 22 MAC 2010

DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu
Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti
Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zhao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

- Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama dalam majlis senamrobik pada pagi indah ini sekaligus dapat mengeratkan lagi hubungan sesama kita.

Ladies and Gentlemen,

- There may be some of you here at UniMAP who ARE and AREN'T aware of the recent news article entitled "16 Programmes at UniMAP still not Accredited". This particular article which was published by the KOSMOS tabloid newspaper last 15 March 2010 has the potential to jeopardize UniMAP's credibility as a renowned Technical University.

- I, Personally; am deeply dissappointed and upset over the unethical and false statement published by the newspaper as this act has definitely marred UniMAP's reputation especially in the eyes of the locals here who have placed a lot of trust in UNIMAP. To make matters worse, this statement was made during the period where UniMAP is in preparation to receive its new batch of students soon.
- During the early establishment of UniMAP, only two programmes were offered. They were the Microelectronic Engineering Degree Programme and the Computer Engineering Programme. Application to seek accreditation could only be made when the first batch of students are in their final year; which was in the year 2006. These two programmes have obtained full accreditation for a steady 5 years. So, in 2007 UniMAP made applications to seek accreditation for all new programmes it offered. Up to date there have been no official statements been made regarding the 8 programmes.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Mungkin ada di kalangan anda mengetahui dan mungkin ada yang tidak tentang perkara yang dilaporkan oleh akhbar tabloid KOSMO! 15 Mac 2010 lalu yang bertajuk “16 Program UniMAP Tidak Diiktiraf” mampu menjatuhkan kredibiliti UniMAP sebagai sebuah universiti teknikal.
- Secara peribadi saya berasa sangat kecewa dengan kenyataan yang dikeluarkan akhbar tersebut. Di saat kita sedang bersedia untuk menerima kemasukan pelajar baru, maruah UniMAP tercalar dek laporan akhbar Kosmo! yang menjadi kepercayaan kepada masyarakat. Hal ini kerana fakta yang dikeluarkan tidak benar dan tidak beretika. Mereka menulis untuk keuntungan semata-mata tanpa memikirkan implikasi yang diterima UniMAP.
- Sebagai sebuah medium penyampai maklumat yang paling dipercayai oleh masyarakat, pihak akhbar tidak seharusnya menyalahgunakan kuasa mereka dengan menyiarkan berita

yang kurang tepat dan menindas pihak lain. Ini kerana setiap isu yang diketengahkan oleh media akan mempengaruhi persepsi masyarakat itu sendiri. Baiknya sesuatu isu itu maka baiklah persepsi masyarakat sebaliknya jika buruk sesuatu isu itu, maka buruklah persepsi masyarakat.

- Sebagai Naib Canselor saya bagaimanapun menerima kritikan itu dengan tanggapan positif. Mungkin ia merupakan satu anjakan buat UniMAP ke arah “Penyangga Agenda Perubahan dan Inovasi”. Saya percaya tidak semua media yang bersikap begini dan kebanyakannya mahu membantu menaikkan nama sesebuah institusi itu. Hanya terdapat segelintir sahaja yang bersikap tidak professional.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Untuk pengetahuan warga UniMAP sekalian, pihak kita sudah 25 kali mengadakan perbincangan dengan EAC-BEM mengenai pengiktirafan 8 program tersebut, tetapi sehingga

kini, kita masih belum mendapat surat rasmi dari pihak BEM tentang keputusan kelapan-lapan program itu. Dan menyebabkan proses mendapatkan pengiktirafan akreditasi itu tertangguh hinggalah ke hari ini.

- Pada awal penubuhan UniMAP, hanya dua program pengajian ditawarkan iaitu program Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik dan program Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer. Permohonan pengiktirafan daripada EAC, yang hanya boleh dibuat apabila pelajar ambilan pertama berada pada tahun akhir, telah berjalan pada tahun 2006. Kedua-dua program tersebut berjaya mendapat pengiktirafan penuh selama 5 tahun.
- Sejalan peredaran masa, UniMAP menawarkan lapan lagi program baru mulai 2003, iaitu Kejuruteraan Sistem Elektrik, Kejuruteraan Elektronik Industri, Kejuruteraan Perhubungan, Kejuruteraan Elektronik, Kejuruteraan Mekatronik, Kejuruteraan Pembuatan, Kejuruteraan Bahan dan Kejuruteraan Metalurgi. Justeru, pada 2007, UniMAP

membuat permohonan pengiktirafan bagi program-program baru yang ditawarkan itu. Sehingga kini, tiada keputusan rasmi dikeluarkan mengenai status kelapan-lapan program tersebut.

- Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA), UniMAP **TIDAK SEKALI-SEKALI** memandang remeh dan ringan mengenai isu akreditasi dan pengiktirafan semua program pengajian yang ditawarkan. Sebaliknya, UniMAP sepanjang masa secara serius dan bersungguh-sungguh melaksanakan semua tanggungjawab untuk memenuhi segala keperluan semua pihak yang berkepentingan.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

- Di sini saya ingin menyeru semua kakitangan yang berurusan terus dengan pelajar untuk memperbetulkan maklumat agar mereka tidak gusar dengan kenyataan akhbar tersebut.

- Diharapkan dengan bantuan semua kakitangan para pelajar akan mendapat gambaran yang jelas tentang status akreditasi atau pengiktirafan semua program pengajian kejuruteraan di UniMAP ini dan tidak terpengaruh dengan pelbagai tafsiran dan laporan berkaitan isu ini.
- Hidup bukan untuk berbangga dengan ilmu, harta, pangkat serta kedudukan yang kerap menimbulkan permusuhan dan pertelingkahan. Benarlah dunia sudah banyak berubah, ikatan keluarga, persaudaraan, jiran, sahabat dan taulan semakin renggang kerana menjadi ukuran. Apabila wujud perselisihan, pelbagai perkara diluahkan dalam emosi dan alangkah manisnya jika hati dapat menahan sabar, setiap permasalahan dileraikan secara baik bagi mengelak permusuhan.
- Sebagai seorang penjawat awam tugas yang diberikan adalah tanggungjawab yang paling utama untuk dilaksanakan. Tangan dan idea anda mampu mencorak hala tuju sesebuah institusi itu.

- Semoga dengan kerjasama semua pihak akan membantu membersihkan imej UniMAP sebagai sebuah universiti awam berteraskan kejuruteraan. Sebarang maklumat terkini mengenai status ini, bolehlah layari laman web www.unimap.edu.my.

**Bukit Kecil Ujung Bintang,
Tempat Berehat Penduduk Setempat,
Bulat Air Kerana Pembentung,
Bulat Manusia kerana Muafakat.**

**Anak Pak Man Menjual Putu,
Putu Di beli oleh Cik Rama,
Marilah Kita Teguh Bersatu,
Memastikan Kejayaan Milik Bersama.**

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh